

25/03/2002

Tindakan ke atas Siva (HL)

Kadir Dikoh

SUBANG, Ahad - Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan terhadap Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) Datuk N Siva Subramaniam jika beliau terus membuat dakwaan kononnya berlaku pengasingan pelajar mengikut kaum di sekolah.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata jika pemimpin NUTP itu masih berdegil, bermakna mereka mempunyai niat yang tidak baik dan sudah tentu boleh memburukkan lagi keadaan.

"Jadi orang yang tidak ada niat baik, merosakkan. Tentu ada tindakan tertentu. Jika anda tanya apakah bentuk tindakan itu...(tunggu) kita belum selesai," katanya kepada pemberita selepas menyambut kepulangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari lawatan ke tiga negara Eropah di sini, hari ini.

Beliau ditanya sama ada tindakan tatatertib akan dikenakan kepada Siva sebagai kakitangan awam setelah dakwaannya mengenai amalan pengasingan murid itu terbukti tidak berasas.

Abdul Aziz tidak menyatakan jenis tindakan yang bakal diambil dan apabila ditanya lagi sama ada tindakan tegas akan dikenakan terhadap Siva, beliau cuma menyatakan "insyaAllah".

Katanya, Siva telah menimbulkan rasa kecewa dan tidak senang di kalangan guru-guru di 210 sekolah. Jika NUTP masih meneruskan tuduhannya, ia akan menggugat perpaduan kaum.

"Wajarkah bagi kesatuan ini terus bersikap angkuh dan membiarkan murid-murid di semua sekolah berkenaan menerima kesan daripada rasa tidak puas hati guru mereka.

"Apabila kita mengingatkan, ertinya kita bersedia untuk berunding. Kalau sekiranya perundingan tidak ada dan mereka masih lagi berdegil, ertinya bukan ada niat baik.

"Jadi kalau mereka berterusan menuduh, dia bukan membantu untuk menyatupadukan rakyat tetapi memecah belah. Kalau berlaku perkara ini, orang ini adalah ejen pemecah belah kepada bangsa yang kita bina 44 tahun lalu," katanya.

Abdul Aziz berkata, NUTP perlu faham bahawa banyak wang, masa dan tenaga dikeluarkan bagi kegunaan jawatankuasa bebas yang mengkaji dakwaan NUTP itu dan mendapatinya sebagai tidak berasas.

"NUTP mungkin tersalah faham kerana apabila mereka melakukan lawatan ke sekolah yang didakwa melakukan pengasingan itu, pelajar diasingkan ketika mata pelajaran tertentu seperti agama Islam.

"Pada masa itu, kita asingkan anak-anak yang tidak mahu mengikuti kelas itu. Tetapi jangan salah faham, ada juga anak-anak Cina dan India yang mengikuti mata pelajaran agama Islam dan mereka lulus cemerlang, bahkan ada yang dapat markah lebih tinggi berbanding anak orang Islam sendiri," katanya.

Beliau berharap pemimpin NUTP itu berfikir dengan lebih tenang dan memikirkan perkara yang lebih berfaedah daripada membuat tuduhan yang tidak menentu.

Sehubungan itu katanya, NUTP perlu berbincang semula dengan exconya bagi mengkaji di mana sebenarnya mereka silap.

NUTP dalam memorandumnya kepada Menteri Pendidikan pada 26 Disember 2001 antara lain mendakwa kuasa guru besar dan pengetua dikatakan tidak digunakan secara konsisten dengan dasar pendidikan negara yang menekankan perpaduan antara kaum dan pihak sekolah mengkhususkan kelas terbaik untuk pelajar Melayu `atas arahan pihak atasan'.

Khamis lalu, jawatankuasa bebas diketuai Profesor Emeritus Datuk Dr K J Ratnam yang menyiasat isu pengasingan pelajar mengikut kaum di 210 sekolah yang didakwa NUTP, mendapati semua tuduhan itu tidak berasas.

Berikutan itu, masyarakat guru, menerusi beberapa pertubuhan yang mereka wakili mendesak Siva meminta maaf secara terbuka kepada semua warga pendidikan berhubung dakwaannya yang tidak berasas mengenai dasar pengasingan pelajar mengikut kaum di sekolah.

Bagaimanapun Siva enggan meminta maaf dengan menyatakan bahawa tidak timbul soal beliau atau kesatuan memohon maaf "kerana jawatankuasa bebas itu secara tidak langsung menunjukkan berlaku pengasingan pelajar walaupun secara tidak disengajakan.

(END)